

## PROGRAM JELAJAH KASIH

Tarikh : 2 Disember 2023 (Sabtu)

Masa : 8.00 a.m – 3.00 p.m

Tempat : Maahad Tahfiz Akademi Al-Quran As-Syamil (AQSA),  
Bukit Mertajam, Pulau Pinang

Pada 2 Disember 2023 yang lalu, telah berlangsungnya satu program khidmat masyarakat CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR), bersama kakitangan dan pelajar Maahad Tahfiz Akademi Al-Quran As-Syamil (AQSA). Program ini melibatkan kesemua ahli kelab Penang Civil Engineering Student's Society (P'CES) seramai 36 orang peserta dengan kerjasama daripada pihak syarikat THB Maintenance Sdn. Bhd. iaitu seramai 15 orang staf. Program ini dianjurkan di Maahad Tahfiz Akademi Al-Quran As-Syamil (AQSA), Taman Sejahtera, Bukit Mertajam, Pulau Pinang bertujuan untuk membantu membersihkan kawasan sekitar pusat tersebut disamping mengecat bahagian luaran bangunan. Program ini juga telah mendapat sokongan kewangan dari pihak Hal Ehwal Pelajar (HEP) UiTM cawangan Pulau Pinang dan THB Maintenance Sdn. Bhd. untuk membeli peralatan gotong royong dan alatan mengecat bangunan.

Aktiviti gotong royong ini melibatkan lebih 90 peserta yang terdiri dari ahli P'CES, staf syarikat THB Maintenance Sdn. Bhd. serta pelajar dan kakitangan AQSA. Aktiviti ini bermula seawal jam 9.00 pagi dengan majlis pembukaan ringkas termasuk taklimat awal tentang aktiviti yang akan dilakukan sehinggalah masuknya waktu zohor. Kemudian, kesemua peserta program solat zohor berjemaah di dewan solat dan makan tengahari. Sesi beramah mesra dengan pelajar-pelajar AQSA juga berlangsung semasa jamuan makan tengahari tersebut. Majlis penutup diadakan sekitar jam 3.00 petang dengan ucapan dari mudir AQSA, wakil P'CES dan THB Maintenance disusuli dengan persembahan qasidah dari pelajar AQSA dan sesi pemberian sumbangan barangan keperluan dapur kepada pihak AQSA seperti beras, bihun, telur, susu, kicap, sos, gula dan sebagainya. Program ini tamat pada jam 4.00 petang dan pelaksanaan program ini memberi kesan mendalam kepada semua peserta yang terlibat.

CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR), Gotong royong, Penang Civil Engineering Student's Society (P'CES), KAKITANGAN DAN PELAJAR AQSA, Maahad Tahfiz Akademi Al-Quran As-Syamil (AQSA), PENGAJIAN KEJURUTERAAN AWAM, UiTM CAWANGAN PULAU PINANG, THB MAINTENANCE SDN. BHD

**PI028** - BILANGAN PROGRAM KESUKARELAWANAN PELAJAR (KEBANGSAAN DAN ANTARABANGSA) YANG DIBIYAI OLEH GERAN NASIONAL, ANTARABANGSA DAN INDUSTRI. SEMUA GERAN MESTI BERDAFTAR DENGAN RMC UNTUK TAHUN SEMASA. AKTIVITI BOLEH DIJALANKAN SAMA ADA SECARA FIZIKAL ATAU DALAM TALIAN. PTJ HENDAKLAH MELAPORKAN SEMUA AKTIVITI KEPADA SISTEM HEP.

**PI029** - BILANGAN PROGRAM KEPIMPINAN YANG DIANJURKAN OLEH INSTITUT KEPIMPINAN PELAJAR, SEMUA FAKULTI, KOLEJ, DAN KAMPUS BAGI TAHUN SEMASA. PTJ MESTI MELAPORKAN KEPADA SISTEM HEP.

**PI031** - BILANGAN PROGRAM PEMBANGUNAN PELAJAR YANG MENINGKATKAN KEMAHIRAN KOMUNIKASI MEREKA DI PERINGKAT ANTARABANGSA UNTUK TAHUN SEMASA. PTJ MESTI MELAPORKAN KEPADA SISTEM HEP.

### Problem Statement

Kepentingan program ini dijalankan bagi membantu bekerjasama membersihkan dan mengindahkan kawasan Maahad Tahfiz Akademi Al-Quran As-Syamil (AQSA). Selain itu, program ini dilaksanakan bertujuan untuk memberi sumbangan barangan keperluan dapur untuk pelajar-pelajar AQSA. Disamping itu, ahli kelab ini dapat dididik sifat kerjasama dalam setiap aktiviti selain dapat meningkatkan cara berkomunikasi secara berkesan dengan pihak industri dan juga pihak pusat AQSA.

### Background

Pendedahan kepada pelajar dengan sifat kerjasama sesama ahli dan juga orang ramai selain dapat meluaskan jaringan dengan pihak luar termasuk industri dengan aktif berkomunikasi.

### Method

Bekerjasama sesama ahli kelab dan orang luar dalam sesi gotong royong dan mengecat bangunan

Menjalankan CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY (CSR), dengan aktiviti mencantikkan kawasan AQSA

Beramah mesra dengan pelajar-pelajar Maahad Tahfiz Akademi Al-Quran As-Syamil (AQSA) serta berkongsi ilmu Kejuruteraan Awam kepada mereka

Memberi sumbangan barangan keperluan dapur untuk pelajar-pelajar AQSA

### Gambar











